

HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DAN KEINGINAN KERJAYA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

THE RELATIONSHIP BETWEEN ENTREPRENEURIAL SKILLS AND ENTREPRENEURIAL INTENTIONS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

Nasihah Sulaiman¹
Radin Siti Aishah Radin A. Rahman²
Norasmah Othman³

^{1,2,3} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Accepted date: 23-10-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Sulaiman, N., Rahman, R. S. A. R. A., & Othman, N. (2018). Hubungan antara Kemahiran Keusahawanan dan Keinginan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (21), 40-50.

Abstrak: Pemilihan kerjaya keusahawanan masih lagi menjadi alternatif bagi generasi muda tidak kira selepas tamat pengajian mahupun persekolahan. Namun, kebanyakan pelajar menganggap bahawa bidang ini pilihan kedua atau terakhir kerana kurangnya kesedaran terhadap potensi kerjaya keusahawanan. Bertitik tolak daripada permasalahan berikut, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerapan kemahiran keusahawanan dan keinginan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sabak Bernam. Tinjauan ini melibatkan seramai 186 pelajar sekolah menengah di Sabak Bernam dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penerapan kemahiran keusahawanan dan tahap keinginan kerjaya keusahawanan berada pada tahap sederhana. Manakala, terdapat hubungan yang signifikan antara penerapan kemahiran keusahawanan dengan keinginan kerjaya keusahawanan bagi pelajar sekolah menengah di Sabak Bernam. Perbincangan dan implikasi kajian akan dibincangkan.

Kata Kunci: Kemahiran Keusahawanan. Keinginan, Pelajar Sekolah Menengah

Abstract: The choice of entrepreneurship career is still an alternative to the younger generation whether they be graduated or school leaves. However, most students consider that

this field is a second or final choice due to lack of awareness of the potential of entrepreneurship careers. Based on this issue, this study is being carried out to identify the implementation phase of the entrepreneur's skills and the level of intention entrepreneurship among secondary school student in Sabak Bernam. This survey involved 186 high school students in Sabak Bernam by means of stratified sampling techniques. The findings show that the level of application of entrepreneurial skills and intention entrepreneurship level of entrepreneurship is a moderate level. Meanwhile, there is a significant relationship between the application of skills entrepreneurship and the entrepreneurial intention of secondary school students in Sabak Bernam. While the discussions and implications of the study will be discussed further.

Keywords: *Entrepreneurial Skills, Intention, Secondary School Student*

Pendahuluan

Kerjaya merupakan satu perkara penting untuk difikirkan oleh setiap individu kerana kehidupan dan masa hadapan seseorang berkait rapat dengan kerjaya yang dipilihnya (Tolbert, 1974). Tidak kira berapa usia seseorang itu, pilihan atau keinginan kerjaya merupakan persoalan yang penting bagi semua orang (Olamide dan Olawaiye, 2013; Eremie, 2014; Nyamwange, 2016). Pemilihan kerjaya yang tepat adalah penting dalam memastikan individu membawa kehidupan yang baik serta termotivasi dalam pekerjaan mereka dan dapat mencapai produktiviti luar biasa (Nyamwange, 2016). Namun, pilihan kerjaya telah menjadi sesuatu yang rumit dalam menghadapi teknologi yang sentiasa berubah (Eremie, 2014). Dalam persekitaran kerja yang berdaya saing hari ini, jumlah peluang pekerjaan tidak dapat dielakkan dan oleh itu, seseorang harus bersaing untuk mendapatkan pekerjaan kerana bekalan pekerjaan adalah terhad (Meyer et al. 2011). Kerjaya mempunyai dua pilihan iaitu bekerja sebagai pekerja bergaji di sektor awam atau swasta atau melibatkan diri dalam keusahawanan (Baharu et al. 2011).

Kerjaya keusahawanan mewakili segmen domain kerjaya yang semakin pesat dan terus berkembang (Katz, 2003). Kerjaya dalam bidang keusahawanan semakin berkembang dan menjadi faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara Norasmah dan Salmah 2011; Armanurah et al. 2014). Selaras dengan usaha untuk menjadikan bidang ini di antara bidang kerjaya yang diminati, bidang keusahawanan turut diperkembangkan melalui pendidikan. Ini jelas apabila, program-program berkaitan keusahawanan diberi perhatian dalam sistem pendidikan Malaysia. Rentetan itu, sistem pendidikan Malaysia menjadikan pendidikan keusahawanan sebagai salah satu agenda utama kementerian Pendidikan Malaysia dan ia juga sebagai salah satu aspirasi dalam Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2025. Ia bertujuan untuk melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang menerusi tambahbaik pengalaman dan pembelajaran dengan berasaskan perkhidmatan untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013).

Di samping itu, kerajaan telah mewujudkan Program Usahawan Muda (PUM) yang kini lebih dikenali sebagai Program Tunas Niaga adalah untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, tindakan Kerajaan membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah menerusi Program Tunas Niaga supaya mampu bergiat dalam semua lapangan dan kegiatan ekonomi moden bagi membolehkan mereka bersama-sama berganding bahu bersama untuk membangunkan

ekonomi negara. Oleh hal yang demikian, penekanan tentang program Tunas Niaga merupakan satu langkah awal untuk memberi bimbingan dan ilmu berkaitan dengan keusahawanan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengupas sejauh mana penguasaan kemahiran keusahawanan pelajar sekolah menengah diluar bandar terhadap keinginan kerjaya keusahawanan.

Pernyataan Masalah

Usahawan muda merupakan penyumbang kepada keupayaan dan kekuatan kepada kejayaan dalam bidang keusahawanan. Namun, peratus golongan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi yang menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama mereka adalah rendah (Sitti Nor Azizah, 2014). Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2009) menunjukkan, rakyat Malaysia yang memilih kerjaya keusahawan adalah rendah peratusannya, iaitu tidak melebihi 26 peratus dari keseluruhan penduduk bekerja dalam tempoh 25 tahun. Bilangan usahawan juga menunjukkan aliran menurun dari 25.1 peratus (1982) hingga 20.9 peratus (2009). Melalui laporan ini, penyertaan yang rendah dalam kalangan penduduk bekerja sebagai usahawan secara tidak langsung menggambarkan penduduk di Malaysia kurang cenderung untuk menceburi bidang keusahawanan dan lebih kearah pekerjaan di sektor Kerajaan atau swasta (Wan Mohd Zaifurin et al 2016). Hal ini kerana, kurangnya pendedahan terhadap ilmu berkaitan keusahawanan dalam diri pelajar (Sarebah et al. 2010). Tambahan lagi, fenomena pelajar kurang berpengetahuan tentang sesuatu pekerjaan juga boleh menyebabkan pemilihan kerjaya mereka kurang bersesuaian dan tidak tepat (Faraliyana dan Aishah, 2017). Hal ini disebabkan mereka menganggap tidak ada sumber yang boleh memberikan mereka maklumat dengan tepat tentang sesuatu pekerjaan itu. Di samping itu juga, bilangan pemilihan kerjaya keusahawanan masih kurang memberangsangkan walaupun terdapat peningkatan dan kecenderungan siswazah memilih bidang keusahawanan (Norasmah dan Salmah, 2011). Malahan siswazah di Malaysia menganggap kerjaya dalam bidang keusahawanan sebagai pilihan kedua atau terakhir (Norasmah, 2005). Malangnya, kebanyakan orang tidak melihat keusahawanan sebagai satu alternatif kerjaya yang wajar diceburi (Zaidatol Akmaliah et al. 2002). Kebanyakan siswazah tidak melihat peluang perniagaan yang ditawarkan dalam bidang keusahawanan sebagai profesion yang dapat menjamin masa depan (Norasmah dan Salmah, 2011).

Objektif Kajian

1. Menenal pasti tahap kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar luar bandar;
2. Menenal pasti tahap keinginan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar luar bandar;
3. Menguji hubungan antara tahap penerapan kemahiran keusahawan dengan keinginan kerjaya keusahawanan.

Tinjauan Literatur

Kemahiran Keusahawanan

Untuk menjadi seseorang usahawan, kemahiran keusahawanan adalah sesuatu yang amat diperlukan dalam diri seseorang (Armanurah et al. 2014). Hal ini kerana, kemahiran keusahawanan adalah penting kepada usahawan di semua peringkat perniagaan, sebelum memulakan perniagaan dan semasa perniagaan di jalankan (Adeyemo, 2009; Armanurah et al. 2014; EU Skills Panorama, 2015; Muhamad Salman et al. 2016). Selain itu, untuk memastikan perjalanan syarikat terurus dengan sempurna, usahawan perlu mempunyai tahap kemahiran yang tinggi bagi dapat menentukan sama ada usahawan itu memahami bidang


yang diceburi ataupun tidak (Mohd Osman, 2007). Oleh itu, seseorang yang ingin menceburi bidang keusahawanan perlu memiliki kemahiran tertentu di dalam mengendalikan aktiviti keusahawanan (Yusof, 2000). Kemahiran keusahawanan ini terdiri daripada kemahiran kognitif, kemahiran sosial, dan hubungan teknikal dan kemahiran pengurusan, kemahiran interpersonal, kemahiran membuat keputusan di mana campuran kemahiran ini adalah penting untuk menjalankan sesebuah perniagaan (Sausa dan Almeida, 2014; Fitriati dan Hermiati, 2010; Madura, 2007). Ramai majikan memilih pelajar dengan pengalaman keusahawanan apabila mengambil pekerjaan untuk peringkat keusahawanan, kerana menganggap pelajar lebih bertanggungjawab terhadap tindakan mereka sendiri, mempunyai kemahiran kerja berpasukan dan tahu bagaimana melaksanakannya (Beranek, 2015).

Keinginan Kerjaya Keusahawanan

Keinginan sebagai aktiviti yang memberi perhatian atau mengambil berat, rasa ingin tahu, mendapat perhatian dan membangkitkan rasa ingin tahu seseorang individu terhadap sesuatu perkara (Hornby, 2000). Keinginan juga bermaksud niat seseorang untuk berusaha dalam mencari ataupun mencuba aktiviti-aktiviti dalam sesuatu bidang yang tertentu. Ia merupakan daya penggerak seseorang individu dalam memberi perhatian kepada seseorang individu dalam memberi perhatian kepada seseorang yang lain, sesuatu benda atau sesuatu aktiviti (Baryojai, 2000). Oleh itu, keinginan keusahawanan dianggap sebagai peramal paling kuat dari tingkah laku seseorang (SM Kabir et al. 2017).

Keinginan secara amnya boleh dianggap sebagai pembolehubah motivasi dan daya penggerak yang mendorong seseorang individu untuk memberi perhatian kepada sesuatu perkara yang mereka minat, sama ada terhadap subjek atau kegiatan (Hashim, 2000). Keinginan terhadap keusahawanan adalah faktor motivasi yang telah mempengaruhi seseorang untuk menjadikan kerjaya mereka sebagai usahawan (Hisrich et al. 2008). Di samping itu juga, keadaan ini juga mempunyai hubungan antara seorang usahawan sebagai individu dan cara mereka merangka sesuatu aktiviti keusahawanan (Mohammad et al. 2009). Keinginan terhadap keusahawanan dalam diri seseorang itu bergantung kepada sikap individu tersebut (Mohar et al. 2007). Selain itu, faktor kebebasan cabaran dan keinginan untuk berdikari turut menarik keinginan sesetengah orang untuk bergiat aktif dalam bidang keusahawanan (Kolvereid & Moen, 1996).

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

Sumber: Adaptasi daripada Teori Keinginan Keusahawanan Shapero dan Sokol (1982)

Model kerangka ini dibina dengan penyesuaian melalui gabungan bahagian-bahagian yang relevan dari model tahap keinginan usahawan seperti model yang dibangunkan oleh Bird, 1988 serta Shapero dan Sokol, 1982 supaya lebih mudah untuk mengkaji keinginan

keusahawanan. Model ini juga menerangkan bentuk tingkah laku yang dijangkakan dan terhasil menerusi tahap keinginan yang dibuktikan menerusi kajian kajian emperikal. Di mana, ia menunjukkan tahap keinginan untuk menjadi keusahawanan berkemampuan untuk menjadi peramal terbaik kepada tingkah laku yang dijangkakan mengikut Krueger et al. 2000. Justeru, model ini turut menyediakan ruang yang sesuai untuk membolehkan pengkaji untuk mengkaji hubungan antara sikap terhadap kerjaya keusahawanan dan tahap keinginan keusahawanan ke atas keinginan kerjaya keusahawanan dengan lebih baik lagi. Di samping itu juga, sikap terhadap kerjaya keusahawanan dikatakan boleh meramalkan tahap keinginan bagi membentuk tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan.

Metodologi

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan rekabentuk tinjauan untuk menjawab persoalan kajian. Kajian tinjauan merupakan kaedah popular dalam penyelidikan pendidikan kerana kaupayaan mengutip dan menganalisis data pada satu masa (Creswell, 2005). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif ke atas 186 orang pelajar tingkatan empat daripada lima buah sekolah menengah di daerah Sabak Bernam. Pemilihan responden berdasarkan persampelan rawak mudah untuk menjawab borang soal selidik. Kaedah pemilihan secara rawak mudah telah digunakan untuk memastikan bahawa setiap individu yang dipilih benar-benar dapat membantu pengkaji memahami fenomena yang dikaji (Creswell & Clark, 2007).

Instrumen utama yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian ialah borang soal selidik. Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, bagi tujuan mengumpul profil responden kajian (5 item) diadaptasi daripada (Nor Zafirah, 2017). Manakala, bahagian B pula adalah untuk mengukur tahap kemahiran keusahawanan (10 item) diadaptasi daripada (Mohd Hassan, 2007) dan bahagian C tahap keinginan keusahawanan (10 item) diadaptasi daripada (Ravi, 2015). Item-item soal-selidik menggunakan skala 1- sangat tidak setuju (STS) hingga skala 5- sangat setuju (SS). Data yang dikumpulkan diproses dan dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 22 dan semua data dianalisis berdasarkan kekerapan, min dan kaedah statistik ujian-T, ANOVA Satu Hala dan juga korelasi pearson.

Bagi memastikan instrumen boleh digunakan dalam kajian ini, ujian Cronbach Alpha telah digunakan untuk menguji kebolehpercayaan soal selidik. Hasil ujian Cronbach Alpha menunjukkan bahawa indeks kebolehpercayaan bagi mengukur penerapan kemahiran keusahawanan 0.827 dan nilai kesahan adalah 0.3. Manakala bagi instrumen keinginan keusahawanan, nilai kebolehpercayaan adalah 0.897 dan nilai kesahan melebihi 0.3. Nilai Cronbach Alpha melebihi 0.80 memberikan kesimpulan bahawa item mempunyai kestabilan dan ketekalan dalaman yang baik (Creswell, 2012).

Analisis data tahap kemahiran keusahawanan dan tahap keinginan kerjaya keusahawanan melibatkan frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Nilai interpretasi skor min yang telah diadaptasi daripada Norasmah (2002) seperti Jadual 1 telah digunakan sebagai asas penentuan tahap. Tahap yang tinggi dalam Jadual 1 akan memberi maksud persepsi positif manakala tahap yang rendah pula membawa konotasi persepsi yang negatif terhadap kecenderungan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00-2.00	Rendah/ negatif
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi/ Positif

Profil Responden Kajian

Profil responden kajian adalah seperti Jadual 2. Umumnya, kajian ini melibatkan seramai 186 pelajar sebagai sampel kajian yang terdiri daripada 93 (50 %) orang pelajar lelaki manakala 93 (50 %) responden adalah pelajar perempuan. Seterusnya, latar belakang keluarga responden terdiri peniaga 42 (22.6 peratus) responden dan bukan peniaga terdiri daripada 144 (77.4 %). Maklumat terperinci boleh dirujuk pada Jadual 2

Jadual 2: Profil Responden Kajian

Item	Frekuensi	Peratus
Jantina		
Lelaki	93	50%
Perempuan	93	50%
Latar belakang keluarga		
Peniaga	42	22.6%
Bukan peniaga	144	77.4%

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan mengenai dapatan kajian daripada tiga objektif dan disusuli dengan perbincangan.

*Soalan Kajian Pertama: Mengenal pasti Tahap Kemahiran Keusahawanan***Jadual 3: Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Kemahiran Keusahawanan Pelajar**

Item	N	Min	Sisihan piawai
Min Keseluruhan Kemahiran Keusahawanan Pelajar	186	3.73	0.4706

Hasil kajian mendapati skor min keseluruhan bagi tahap kemahiran keusahawanan pelajar dalam kalangan 186 orang pelajar sekolah menengah di Daerah Sabak Bernam ialah 3.73. (SP=0.47). Ini menunjukkan tahap kemahiran keusahawanan pelajar sekolah menengah di Sabak Bernam berada pada tahap yang sederhana.

Tahap penerapan kemahiran keusahawanan pelajar sekolah menengah di Daerah Sabak Bernam masih berada pada sederhana ini menunjukkan bahawa kemungkinan kurangnya pendedahan atau pelajar tidak tahu tentang kepentingan kemahiran keusahawanan yang perlu ada dalam diri mereka. Dapatan ini mengukuhkan lagi dapatan Zaidatol Akmaliah dan Habibah 2004 yang mendapati usahawan bumiputera mempunyai kemahiran keusahawanan yang sederhana rendah. Begitu juga dengan kajian serebah et al. 2010 mendapati kemahiran keusahawanan pelajar berada pada tahap yang sederhana. Namun, dapatan Muhammad Rashid dan Nor'ain (2010) mendapati majoriti kontraktor Elektronik kelas III bertaraf

Bumiputera mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam mengaplikasikan kompetensi keusahawanan didalam konteks kemahiran. Justeru, elemen kemahiran keusahawanan sangat perlu diserapkan di institusi latihan kemahiran yang dikaji bagi melahirkan golongan usahawan yang berdaya saing dalam bidang rekaan fesyen khususnya untuk golongan belia wanita (Mimi Mohaffyza et al. 2016).

Soalan Kajian Kedua: Mengenal pasti Tahap Keinginan Kerjaya Keusahawanan

Jadual 4: Frekuensi Dan Peratusan Pernyataan (Keinginan Kerjaya Keusahawanan)

Item	N	Min	Sisihan piawai
Min Keseluruhan Keinginan Kerjaya Keusahawanan Pelajar	186	3.392	0.7783

Hasil kajian mendapati skor min keseluruhan bagi tahap keinginan kerjaya keusahawanan pelajar dalam kalangan 186 orang pelajar sekolah menengah di Daerah Sabak Bernam ialah 3.392. (SP=0.7783). Ini menunjukkan tahap kemahiran keusahawanan pelajar sekolah menengah di Sabak Bernam berada pada tahap yang sederhana.

Tahap keinginan kerjaya keusahawanan pelajar sekolah menengah di Daerah Sabak Bernam masih berada pada sederhana ini menunjukkan bahawa kemungkinan pelajar tidak tahu tentang kepentingan kerjaya keusahawanan dalam perancangan kerjaya mereka untuk masa hadapan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan dari Safar (2000), penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan ini masih kurang. Dapatan Norfadhilah dan Halimah (2010), juga menunjukkan pelajar IPTA masih belum menunjukkan minat untuk menjadi usahawan yang mana hanya 55.8% sahaja yang menunjukkan minat, sedangkan pihak universiti dengan bantuan dana dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) banyak menyediakan peluang kursus untuk pelajar menjadi usahawan secara percuma. Dapatan ini membuktikan bahawa objektif yang telah dibentuk oleh kerajaan mengenai keusahawanan masih lagi tidak dapat dicapai. Dapatan Tsakiridou dan Stergiou, 2014 menunjukkan hanya 12.6% yang berkeinginan untuk menjadi usahawan. Begitu juga kajian yang telah dijalankan Christian dan Nikolaus, 2011 yang mendapati tahap keinginan kerjaya keusahawanan pelajar Munich dan Vienna adalah lebih rendah daripada pelajar MIT. Manakala, hasil kajian menunjukkan keinginan kerjaya keusahawanan pelajar Afrika Selatan menunjukkan sangat lemah (Olawela, 2010). Namun, dapatan Ravi dan Nor Aishah (2016) pula menunjukkan bahawa mahasiswa India di Bangi mempunyai tahap keinginan kerjaya keusahawanan yang tinggi.

Soalan Kajian Ketiga: Menguji Perbezaan antara Tahap Kemahiran Keusahawan dengan Keinginan Kerjaya Keusahawanan

Jadual 5: Hubungan Korelasi

Korelasi antara	Interpretasi
0.80 - 1.00	Sangat Kuat
0.60 - 0.80	Kuat
0.40 – 0.60	Sederhana
0.20 – 0.40	Lemah
0.00 – 0.20	Sangat Lemah

Sumber: Sekaran, U. (2006)

Analisis dijalankan menggunakan ujian Korelasi Pearson dan keputusan dinyatakan dalam Jadual 6. Berdasarkan jadual 6, terdapat hubungan yang signifikan antara penerapan kemahiran keusahawanan dengan keinginan kerjaya keusahawanan dengan nilai $r(186) = 0.510$, $P < 0.05$ di mana kadar hubungan menunjukkan sederhana (rujuk jadual 5). Ini menunjukkan penerapan kemahiran keusahawanan pelajar berkait secara sederhana dengan keinginan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Sabak Bernam. Dapatan ini selari dengan (Wan Mohd Zaifurin et al. 2016) saiz pekali korelasi kemahiran keusahawanan dengan kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan adalah sederhana. Hasil kajian dari Sarebah et al. 2010 menunjukkan penerapan kemahiran keusahawanan dan keinginan di dalam kerjaya keusahawanan berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian oleh Mohammad Shoaib et al. 2016 mengenai kemahiran keusahawanan menunjukkan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keinginan kerjaya keusahawanan. Manakala, dapatan Linan 2008 menunjukkan mereka yang mempunyai kemahiran keusahawanan akan mempengaruhi keinginan permulaan membina kerjaya keusahawanan.

Jadual 6: Hubungan Korelasi Pearson antara Penerapan Kemahiran Keusahawanan dengan Keinginan Kerjaya Keusahawanan.

Pembolehubah	n	Nilai korelasi (r)	Nilai signifikan (p)
Kemahiran Keusahawanan	186	0.510**	0.00

** signifikan pada aras .05

Implikasi dan Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan kemahiran keusahawanan dengan keinginan kerjaya keusahawanan pelajar sekolah menengah di Sabak Bernam menunjukkan pada tahap yang sederhana. Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan teori Shapero dan Sokol (1982) walaupun dapatan kajian menunjukkan nilai korelasi antara penerapan kemahiran keusahawanan dengan keinginan kerjaya keusahawanan memberi nilai kekuatan yang sederhana. Seterusnya, implikasi dari perspektif praktikal, modul keusahawanan dapat dijadikan sebagai kerangka modul serta garis panduan. Modul kemahiran keusahawanan haruslah diterapkan di setiap peringkat pengajian. Hal ini bagi memastikan setiap pelajar melengkapkan diri dengan kemahiran keusahawanan. Oleh itu, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan untuk memastikan kemahiran keusahawanan diterapkan di dalam diri pelajar secara langsung meningkatkan lagi keinginan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Oleh sebab itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) perlulah menambah lagi program berbentuk keusahawanan agar bidang ini dapat didedahkan kepada setiap pelajar serta dapat menarik minat mereka untuk beraspirasi keusahawanan sejajar dengan saranan kerajaan untuk meningkatkan jumlah usahawan dalam kalangan pelajar. Kajian ini hanyalah berbentuk tinjauan dan melibatkan pelajar sahaja. Kajian lanjutan boleh dibuat dengan mendalam secara kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang terperinci bagi tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa.

Rujukan

Armanurah Mohamad, Mouhammad Hussin, Nor Aisyah Buang. (2014). Exploring Dimension of Entrepreneurial Skills among Student Enterprise of Universiti Utara Malaysia. *International Multilingual Journal of Contemporary Research*. 2(2): 37-51.

- Baharu Kemat Alhaj, Mohammed Zain Yusof, dan Nita Edama. (2011). Entrepreneurial Intention: An Empirical Study of Community College Students in Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*. 14(1): 45-58.
- Barjoyai Bardai. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bird, B. & Jelinek, M. (1988). The Operation of Entrepreneurial Intention. *Entrepreneurship Theory and Practice*. 13(2): 21-29.
- Christian Luthje dan Nikolaus Franke. (2011). Entrepreneurial Intentions of Business Students: A Benchmarking Study. *International Journal Innovation and Technology Management*. 1(3): 269-288.
- Eremie, D. Maxwell. (2014). Comparative Analysis of Factors Influencing Career Choice among Senior Secondary School Students in Rivers State, Nigeria. *Arabian Journal of Business and Management Review (OMAN Chapter)*. 4(4): 20-25.
- EU Skills Panorama 2014. (2015). Entrepreneurial Skills. *European Commission*. Di capai dari http://skillspanorama.cedefop.europa.eu/sites/default/files/EUSP_AH_Entrepreneurial_0.pdf.
- Faraliyana Rahimi dan Aisyah Buang. (2017). Perbandingan Tahap Sikap Keusahawanan Sumber Dorongan, dan Efikasi Kendiri dengan Tahap Aspirasi Keusahawanan Mahasiswa Jurusan Ekonomi, UKM, UPM dan UKM. *Journal of Business and Social Entrepreneurship*. 1(1): 29-38.
- Francisco Linan. (2008). Skill and Value Perceptions: How Do They Affect Entrepreneurial Intentions? *Int Entrep Manag J*. 4: 257-272.
- Hashim, Y. (2000). *Teknologi pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Helen Tsakiridou dan Konstantinos Stergiou. (2014). Entrepreneurial Competences Entrepreneurial Intentions of Students in Primary Eductaion. *International Journal of Humanities Social and Education*. 1(9): 106-117.
- Hisrish, R.D & Peters, M.P. & Shephard, D.A. (2008). *Entrepreneurship*. Singapore: McGraw-Hill.
- Hornby, G. (2000). *Improving Parental Involvement*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2009). Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh: Usahawan di Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia, Siri 4 Bilangan 1/ 2009.
- Katz, J. A. (2003). The Chronology and Intellectual Trajectory of American Entrepreneurship Education 1876-1999. *Journal of Business Venturing*. 18(2):283.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025)*.
- Kolvereid, L. & Moen, O. (1996). Entrepreneurship among Business Graduates: Does a Major in Entrepreneurship make a Difference? *Journal of European Industrial Training*. 21(4): 1-10.
- Ladislav Beranek. (2015). The Attitude of the College Students to Entrepreneurial Skills Development in the Subject E-commerce. *Informatics in Education*. 14(1):1-12.
- Madura, J. (2007). *Introduction to Business*. 4th ed. Mason, OH: Thompson South Western.
- Maria Jose Sousa dan Maria Do Rosario Almeida. (2014). Entrepreneurial Skills Development. *Rencent Advances in Applied Economics*. hlm. 135-139.

- Mimi Mohaffyza Mohamad, Simah Adai dan Adnan Ahmad. (2016). Kemahiran Keusahawanan Pelatih Wanita Kursus Rekaan Fesyen Pakaian di Institusi Latihan Kemahiran. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 7(1): 137-151.
- Mohar, Y., Manjit Singh, S. & Kamal, K.J. (2007). Relationship Between Psychological Characteristics and Entrepreneurial Inclination: A Case Study Student at University Tun Abdul Razak (UNITAR). *Journal of Asia Entrepreneurship and Sustainability*. 3(2).
- Mohd. Hassan Mohd. Osman. (2007). Faktor-faktor yang telah Mendorong Graduan dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan. *Vot Penyelidikan*. UTM, Skudai.
- Mohd Osman. (2007). *Faktor-faktor yang Telah Mendorong Graduan Alumni UTM Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Mohammad, I., Shaiful, A.K., Mahmud, O., Hj Kamaruzaman, J., Norshimah, A.R., Kamsol, M.K. & Rozihana, S.Z. (2009). Entrepreneurship intention among Malaysian Undergraduates. *International journal of business and management*. 4(10): 54-60.
- Muhammad Rashid Rajuddin dan Nur'ain Baharin. (2010). Tahap Komperensi Keusahawanan dalam kalangan Usahawan Teknikal Kontraktor Elektronik Kelas III Bertaraf Bumiputera di Sekitar Kawasan Johor Bahru. hlm: 1-7.
- Muhammad Salman Shabbir, Mohd Noor Shariff dan Arfan Shahzad. (2016). A Conceptual Development of Entrepreneurial Skills and Entrepreneurial Intentions: A Case of IT Employees in Pakistan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 6(3): 65-77.
- Muhammad Shoiab Farooq, Norizan Jaafar, Kartinah Ayupp, Maimoona Salam dan Yasir Hayat Mughal. (2016). Impact of Entrepreneurial Skills and Family Occupation on Entrepreneurial Intentions. *Sci. Int. (Lahore)*. 28(3): 3146-3148.
- Norasmah Hj Othman. (2002). Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah. UPM, Serdang.
- Norasmah Hj Othman. (2005). Perbandingan Ciri-ciri Keusahawanan Antara Golongan Pelajar Kurang Upaya dan Pelajar Normal. *Prosiding Seminar. Kertas kerja ini dibentangkan dalam the 5th Comparative Education Society of Asia Biennial Conference 2005 pada 30 -31 Mei 2005*.
- Norasmah Othman & Salmah Ishak. (2011). Kecenderungan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi*. 56: 47-63.
- Norfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(1): 11-17.
- Nur Zafirah Abdul Rahim. (2017). Impak Kursus Keusahawanan terhadap Kecenderungan Pelajar dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan. *Projek Penyelidikan*. UKM, Bangi.
- Nyamwange (2016). Influence of Students's Interest on Career Choice among first Year University Students in Public and Private Universities in Kisii County, Kenya. *Journal of Education and Practice*. 7(4): 96-102.
- Olamide dan Olawaiye, (2013). The Factors Determining the Choice of Career Among Secondary School Students. *The International Journal of Engineering and Sciences (IJES)*. 2(6): 33-44.
- Ooi Yeng Keat, Christopher Selvarajah dan Denny Meyer. (2011). Inclination towards Entrepreneurship Among University Students: An Empirical Study of Malaysian

- University Students. *International Journal of Business and Social Science*. 2(4): 206-220.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. UPM: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rachma Fitriati dan Tutie Hermiati. (2010). Entrepreneurial Skills and Characteristics Analysis on the Graduates of the Department of Administrative Sciences, FISIP Universitas Indonesia. *Journal of Administrative Sciences & Organization*. 17(3): 262-275.
- Ravi Nagarathanam. (2015). Hubungan Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Prasiswazah India di Institusi Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. Projek Penyelidikan. UKM, Bangi.
- Ravi Nagarathanam dan Nor Aishah Buang. (2016). The Relationship between Attitude, Intention and Entrepreneurship Career Choice among Malaysian Indian Undergrauates. *Akademika*. 86(2): 43-52.
- Sarebah Warman, Rohayu Roddin, Ahmad Esa, Halizah Awang, Maziana Mohamed, Azmanirah Ab. Rahman. (2010). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan 25-26 September 2010*.
- Sekaran, U. (2006). *Research Method of Business: A Skill Building Approach*. New Delhi: John Wiley & Sons. Inc.
- Shapero, A., & Sokol, L. (1982). Social Dimension of Entrepreneurship. In: C. Kent, D. Sexton and K. Vesper (eds.). *The Encyclopedia of Entrepreneurship*. Englewood Cliffs: PrenticeHall: 72-90.
- Sitti Nor Azizah. (2014). Keusahawanan bukan Kerjaya Pilihan Pelajar Sekolah, IPTA/S. *Sayang Sabah*. <https://www.sayangSabah.com/keusahawanan-bukan-kerjaya-pilihan-pelajar-sekolah-iptas/>. Dicapai pada 12 Mei 2018.
- SM Kabir, Ahasanul Haque dan Abdullah Sarwar. (2017). Factors Affecting the Intention to Become an Entrepreneur: A Study from Bangladeshi Business Graduates' Perspective. *International Journal of Engineering and Information Systems*. 1(6): 10-19.
- Sunday Adeniyi Adeyemo. (2009). Undersatnding and Acquistion of Entrepreneurial Skills: A Pedagogical Re-Orientation for Classroom Teacher in Science Education. 6(3): 57-66.
- Tolbert. (1974). *Counseling for Career Development*. Boston Houghton Mufflin Co.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Saat, Sabri Ahmad dan Ibrahim Mamat. (2016). Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 4(1): 87-98.
- Yusof, A.A. (2000). *Usahawan dan Keusahawanan: Satu Penilaian*. Petaling Jaya Prentice Hall.
- Zaidatol Akmaliah, Abd Rahim dan Mohd. Majid. (2002). Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Pertanika Jurnal Social Science & Hum*. 10(1): 53-61.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. (2004). Keupayaan Usahawan Bumiputera Melaksanakan Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Kes. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*. 12(1): 61-70.